

Ketibaan Pelancong China Tetap Menggalakkan Di Sebalik Tragedi MH370

Bernama

28 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Ketibaan pelancong China ke Malaysia dijangka tidak merosot di sebalik tragedi melibatkan pesawat MAS, kata Pengarah Eksekutif Berjaya Hotels and Resorts Leong Wy Joon.

Mac lazimnya musim puncak kepada pelancong China yang berkunjung ke negara Asia, dengan Malaysia destinasi utama mereka.

"Bagaimanapun, mungkin ada impak besar dalam jumlah pelancong China dalam jangka masa pendek berikutan sensitiviti berikutan tragedi itu.

"Perniagaan hotel dan pusat peranginan mungkin terjejas, tetapi bukan untuk jangka panjang," katanya kepada pemberita selepas majlis pemeteraian perjanjian antara Berjaya Land Bhd dengan Taisei Corp untuk projek pembinaan hotel Four Seasons di Kyoto, Jepun.

Berjaya Land turut menandatangani perjanjian dengan RHB Bhd dan Mizuho Bank Ltd untuk dana pembiayaan AS\$160 juta (RM526.4 juta) bagi projek hotel itu.

Penerbangan MH370 membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, berlepas dari KLIA pada 12.41 tengah malam 8 Mac lalu hilang daripada skrin radar kira-kira sejam kemudian ketika terbang melintasi Laut China Selatan.

Ia dijadual mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari yang sama tetapi sehingga hari ini usaha mencarinya di selatan Lautan Hindi masih belum membuahkan hasil.

Projek Hotel Four Seasons Kyoto ialah projek besar ketiga dilaksanakan Berjaya di utara Asia selepas pembangunan pusat peranginan bersepadu di Jeju, Korea Selatan dan Great Mall China di Beijing, China.

Mengenai prospek masa depan, Leong berkata selain projek sedia ada, syarikat itu merancang meneroka peluang di Tokyo, Osaka dan Fukuoka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025875>